

# **Family Variables And Self Concept Variables**

## **(Part 3)**

Siti Sarawati Binti Johar

### **3. TEORI-TEORI PERKAITAN YANG SIGNIFIKAN**

**(Penekanan pada keluarga sebagai pemboleh ubah pembentukan konsep kendiri individu )**

#### **3.1 Teori Kendiri : Carl Rogers (1951)**

Teori ini merupakan teori kendiri yang terkemuka, disokong oleh kajian bercorak empiris yang telah diusahakannya.<sup>i</sup> Teori personalitinya itu adalah hasil pengalamannya sebagai ahli terapi berpusatkan klien. Dalam dimensi ini, beliau menekankan bahawa organisme mempelajari dan mengetahui tentang dirinya bagi membentuk kendiri. Beliau turut menyatakan bahawa setiap individu mempunyai dunia sendiri atau apa yang disebut sebagai *phenomenal field*. Dalam fenomena ini, wujud kendiri yang menjadi aspek sedar individu yang menyebabkan segala pengalaman positif dipertahankan bagi menuju satu kendiri. Rogers juga percaya organisme ada satu matlamat ke arah penyataan diri yang ditentukan baka manakala organisme kreatif adalah penggerak.

Rogers mengandaikan bahawa seseorang individu sejak bayi boleh membuat penilaian terhadap objektif sosial dan psikologi, sama ada disenangi ataupun tidak (pengalaman positif atau pengalaman negatif). Manusia mula membentuk konsep kendirinya di zaman kanak-kanak. Mereka membina identiti kendiri agar mereka dapat dihargai dan diterima dalam kelompok yang ada serta menghargai diri sendiri. Keperluan ini jika gagal dicapai akan mewujudkan kekecewaan, sehingga membentuk konsep kendiri sama ada positif atau negatif.

Rogers mengemukakan cirri-ciri personality individu berdasarkan perbezaan antara individu. Ciri itu adalah seperti berikut :

- *Sifat bergantung kepada orang lain dan tidak bergantung kepada orang lain* : Orang yang suka bergantung kepada orang lain tidak bertanggungjawab dan membiarkan orang lain membuat keputusan untuk dan ke atas dirinya. Orang yang tidak bergantung kepada orang lain berbeza daripada orang yang bergantung kepada orang lain kerana mereka bertanggungjawab sepenuhnya dalam sesuatu perkara.
- *Keunggulan diri lawan kendiri* : Keunggulan diri yang berubah-ubah mengikut keadaan psikologi dan alam, merupakan matlamat terakhir bagi individu. Kedudukannya dimiliki oleh setiap manusia. Sekiranya terjadi kesesuaian antara keunggulan diri dengan kendiri, individu akan dapat berfungsi dengan berkesan. Jika tidak, ia tidak dapat berfungsi dengan baik.
- *Keadaan boleh dimusnahkan* : Manusia ini tidak dapat mengatakan apa yang berlaku kepada dirinya kerana berada dalam keadaan tertekan.
- *Tingkah laku matang* : Individu ini mempunyai tahap pemikiran yang lusa, realistik dan bertanggungjawab. Dia menghormati orang lain.
- *Individu yang berfungsi sepenuhnya* : Individu ini berfungsi penuh kerana mempunyai *psychological adjustment*, disebabkan berada dalam keadaan yang kongruen dan mendedahkan diri kepada situasi yang baru.

Di samping itu, Rogers turut mengaitkan kendiri dengan ‘inner world’ manusia yang

Dikatakan memiliki pengaruh besar terhadap tingkah laku manusia jika dibandingkan dengan pengaruh rangsangan persekitaran luaran. Beliau mengandaikan manusia berkecenderungan memberi symbol dan memahami secara tetap yang berhubungan dengan ‘mental contents’ yang disedari. Situasi ini mempunyai perhubungan dengan fikiran manusia terhadap ‘self regard’.

Agak ketara, melalui teori Rogers ini, proses penyataan diri, sosialisasi dan kematangan diri individu penting dalam proses pembinaan personaliti dan kendiri. Beliau percaya wujudnya ‘*growth force*’ dalam diri manusia dan menjadikan konsep kendiri semakin kompleks yang menjadi penentu pada tindakbalas manusia terhadap pelbagai situasi. Ini dapat disimpulkan bahawa anak-anak yang dilahirkan ke dunia ini sama ada mahu atau tidak mahu terpaksa membesar dalam situasi kekeluargaan yang telah ada tanpa pilihan. Jika keluarga yang ada adalah keluarga yang berdisiplin dan berhemah tinggi, maka besar kemungkinan pastilah anak yang membesar turut akan menjadi individu yang berdisiplin dan berhemah tinggi. Akan tetapi jika sebaliknya, maka tidak mustahil wujud anak-anak yang delinkuen kerana kegagalan ahli keluarga menerapkan pengaruh dan role model yang terbaik.

### 3.2 Teori Personaliti Adler (1929)

Adler menegaskan, manusia semasa bayi amat bergantung pada ibunya yang berfungsi dengan tugas pertama iaitu bekerjsama dan bertanggungjawab.<sup>ii</sup> Pada satu pihak, dia mempunyai rasa rendah diri dan pada pihak yang lain pula dia mempunyai rasa pergantungan. Oleh itu, sejauh mana seseorang individu memperoleh minat sosial, maka sejauh itu dia akan bertanggungjawab mengurangkan atau menghapuskan perasaan rendah diri. Andaian di atas mengurangkan kepentingan keturunan dan persekitaran dalam perkembangan personaliti individu.

Anak-anak di masa kanak-kanak didapati cuba belajar tentang kekuatan, keupayaan, kekurangan dan kedudukannya dalam persekitaran keluarganya. Agak jelas, walaupun kanak-kanak adalah pemerhati yang baik, tetapi mereka sebenarnya adalah pentafsir situasi yang lemah. Bagi Adler juga, gugusan keluarga merupakan satu sistem sosial yang utama bagi anak-anak yang dalam proses perkembangan. Melalui pemerhatian, naluri ingin tahu, ‘trial and error’, penyelidikan dan mendapat respond daripada persekitaran membolehkan kanak-kanak mempelajari apa yang memberikannya tempat, apa yang menghalangnya dan apa yang menerima serta menolak. Selain persepsi dan evaluasi, kanak-kanak bukanlah penerap nilai keluarga secara pasif. Mereka akan secara aktif dan kreatif cuba memperoleh persekitarannya sendiri.

Rumusannya, institusi keluarga adalah persekitaran sosial utama bagi anak-anak. Usaha melatih anak-anak dalam proses sosialisasi terkadang menyebabkan semakin anak-anak itu belajar, semakin dia lemah dan rendah diri. Kanak-kanak jantina tertentu akan cuba mendapatkan perhatian keluarga dan akan mengambil nilai keluarganya. Keupayaannya mengidentifikasi diri dengan salah seorang ibu bapanya akan menimbulkan perasaan mempunyai tempat. Dalam teori ini, turut dijelaskan bahawa kedudukan dalam keluarga (child’s position) adalah penting kepada anak. Wujud persaingan antara terbaik dengan baik atau kurang baik sesama adik beradik sehingga timbul perasaan dan konsep kendiri positif atau negatif, sama ada berjaya atau gagal.

CONTINUE...